

26/01/2000

Persidangan pemangkin perniagaan

Awang Kushairy Junaidi

KUCHING, Selasa - Persidangan Perniagaan Sarawak 2000 pada 22 dan 23 Mac ini di sini, akan menjadi gelanggang pertemuan penting ahli korporat tempatan, nasional dan antarabangsa.

Pengarah Urusan MRS Management Sdn Bhd, Kristine Liew berkata, persidangan dua hari itu dianjurkan dengan kerjasama HSBC Bank Malaysia, sebagai penaja utama.

Beliau berkata, ia juga menyediakan maklumat penting mengenai laporan ekonomi terkini dan peluang perniagaan baru, khususnya kepada ketua pegawai eksekutif, peniaga dan pengurus korporat.

Katanya, persidangan kali kelima itu bertujuan mengumpul peserta tempatan, kebangsaan dan antarabangsa supaya dapat berkongsi maklumat dan laporan perniagaan terkini.

"Selain itu, ia bertujuan mengembangkan rangkaian korporat dan mencapai keputusan perniagaan terbaik dengan komitmen yang baru terhadap persefahaman pelbagai pelaburan yang sedia ada di negeri ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis penyerahan tajaan oleh HSBC Bank kepada pihaknya, di Bangunan Binamas, Jalan Padungan di sini, semalam.

Liew berkata, perasmian persidangan itu akan dilakukan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pihaknya menjangkakan seramai 250 delegasi akan menghadirinya.

Menurutnya, pada persidangan itu, Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, akan menyampaikan ucapan bertajuk 'Hala Tuju Masa Depan Agenda Perancangan Sumber Negeri'.

Pada majlis itu, katanya, Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Alfred Jabu anak Numpang, yang juga Menteri Pembangunan Tanah dan Luar Bandar akan membentangkan kertas kerja bertajuk 'Strategik Ke Arah Pembangunan Tanah Secara Bersepadu'.

Menurutnya, Pengerusi Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (PPES), Talip Zulpilip akan membentangkan kertas kerja bertajuk 'Era baru Pembangunan Ekonomi di Sarawak' pada persidangan berkenaan.

Selain penceramah tempatan, katanya, persidangan itu juga akan menjemput beberapa penceramah dari Semenanjung untuk membentangkan beberapa kertas kerja.

Liew berkata, organisasi atau ahli perniagaan yang berminat menyertai persidangan boleh menghubungi urusetia 082-242412, 082-422340 atau melalui faks 082-427488, atau melalui e-mel, kris-mrs@pc.jaring.my.

(END)